

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATO' MOHD. NIZAR BIN HAJI ZAKARIA
[PARIT]**

SOALAN

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan :-

(a) adakah Kementerian bercadang untuk meletakkan kawasan sawah padi luar jelang Parlimen Parit di bawah pengurusan dan seliaan Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Seberang Perak; dan

(b) apakah usaha Kementerian bagi meningkatkan purata hasil pengeluaran padi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Negeri perlu mengemukakan permohonan kepada Kementerian bagi menjadikan kawasan luar jelapang di Parit sebagai sebahagian daripada kawasan Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Seberang Perak. Seterusnya, Kementerian akan mengangkat cadangan tersebut menerusi kertas Memorandum Jemaah Menteri (MJM) bagi tujuan kelulusan secara prinsip. Ianya akan membolehkan IADA Seberang Perak mengemukakan permohonan kepada pihak berkepentingan berkaitan bagi mendapatkan peruntukan pembangunan dan mengurus.

2. Hal ini juga berikutan penyerapan kawasan Skim Pengairan Sungai Manik ke dalam IADA Seberang Perak sebelum ini, maka pihak IADA Seberang Perak akan mengalami kekangan tenaga kerja dan logistik sekiranya kawasan luar jelapang Parit dimasukkan sebagai sebahagian daripada kawasan operasinya.

3. Bagi tujuan meningkatkan hasil pengeluaran padi, Kementerian sedang melaksanakan beberapa pembaharuan utama seperti berikut:

- i. Pelaksanaan Pengurusan Nutrien Lokasi Spesifik (*Site Specific Nutrient Management* atau SSNM) yang lebih dikenali sebagai *soil profiling*. Program ini adalah untuk penggunaan baja dan kapur berdasarkan keperluan tanah yang berbeza mengikut kawasan;
- ii. Pendekatan konsep pengurusan tanah sawah iaitu Sawah Berskala Besar (SBB) menerusi penglibatan entiti swasta dalam rangkaian penanaman padi dan pengeluaran beras;
- iii. Penggunaan sumber air secara konjuktif (*conjunctive*) iaitu secara bersepadu untuk penanaman padi;
- iv. Perluasan kawasan jelapang padi dan pengoptimaan kawasan jelapang sedia ada dengan menambahkan kawasan-kawasan terbiar;

SOALAN NO : 299

- v. Penerokaan kawasan baru ke dalam Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA);
- vi. Penggunaan benih padi sah yang berkualiti bagi mengelakkan berlakunya kejadian benih padi angin;
- vii. Penggunaan teknologi moden dalam keseluruhan rantai industri padi dan beras; dan
- viii. Penglibatan golongan muda di dalam rantai penanaman padi dan beras.

Sekian, terima kasih.